

01 JAN 2002

Mahathir-MCA

PM YAKIN KUMPULAN BERTELINGKAH DALAM MCA AKAN BERSATU

Oleh: S.Retnanathan

KUALA LUMPUR, 1 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin kumpulan yang bertelingkah dalam MCA akan dapat mengatasi perselisihan faham mereka dan bersatu untuk menentukan kejayaan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan tidak lama lagi.

"Kalau ia (masalah tersebut) terus berpanjangan, mungkin ia dieksploitasi oleh parti lawan. Tetapi saya nampak tanda-tanda bahawa mereka dapat mengatasi perselisihan faham antara mereka dan dalam pilihan raya kecil ini, saya yakin mereka akan bersatu," katanya.

Dr Mahathir berkata pergeseran pendapat di kalangan pucuk pimpinan parti MCA adalah perkara biasa kerana masalah seperti ini berlaku kepada semua parti politik termasuk parti pembangkang.

"Ia berlaku kepada Umno, berlaku kepada Gerakan, berlaku kepada DAP dan berlaku kepada Keadilan dan tidak hairan kalau ia berlaku kepada MCA," katanya dalam program "Wawancara BERNAMA dengan Perdana Menteri" yang disiarkan RTM dan Astro malam ini.

Dr Mahathir berkata beliau telah menemui pemimpin MCA dan mengesyorkan supaya masalah mereka diselesaikan dengan keutamaan diberikan kepada parti.

"Yang penting ialah parti bukan pemimpin. Kerana pemimpin akan pergi satu hari, dia tak akan kekal, tetapi parti lebih kekal daripada pemimpin. Jadi jagalah kepentingan parti dan bukannya kepentingan individu," katanya.

Ditanya sama ada BN akan campur tangan dalam masalah MCA jika parti itu gagal menyelesaikan masalah dalamannya, Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata tradisi BN adalah untuk tidak terlibat dalam urusan dalaman parti-parti komponen, melainkan sesuatu perkara serius terjadi yang tidak boleh dikawal oleh pucuk pimpinan parti itu sendiri.

Dr Mahathir berkata setakat ini masalah parti itu belum mencapai tahap serius tetapi beliau sanggup memberi nasihat kepada pemimpin terbabit cara menyelesaikan persengketaan MCA jika diminta oleh pemimpin parti terbabit.

Bercakap mengenai kemasukkan Parti Bersatu Sabah (PBS) ke dalam BN, Dr Mahathir berkata kemasukkan PBS akan menstabilkan politik negeri Sabah.

"Dia (PBS) boleh menyumbang kepada kekuatan kerajaan Barisan Nasional (BN) di Sabah dan menyumbang juga kepada kekuatan kerajaan Barisan Nasional di peringkat pusat," kata Perdana Menteri.

Majlis Tertinggi BN dijangka membincangkan penyertaan semula PBS ke dalam BN selepas Majlis Tertinggi Umno pada mesyuaratnya lepas, menyokong permohonan PBS untuk menyertai semula BN.

-- BERNAMA

SR ES LAT